

SENARAI EXCO SELANGOR DIUMUM

SHAH ALAM, Khamis — Menteri Besar Selangor, Datuk Haji Ahmad Razali Ali hari ini mengumumkan senarai ahli-ahli Exco baru mempekerusikan berbagai portfolio yang dibentuk.

Bercakap kepada pemberita selepas mempekerusikan mesyuarat Exco yang pertama di sini lewat petang ini, beliau berkata, kesemua sembilan portfolio yang baru ditubuhkan itu masing-masing akan dipengerusikan oleh seorang Exco dan dianggotai oleh seorang Exco yang lain.

Lain-lain ahli dalam sesebuah portfolio, katanya, akan dipenuhi oleh pegawai kanan Kerajaan atau ketua-ketua Jabatan berkenaan.

Katanya, Jawatankuasa Tetap Tanah dan Hasil Bumi akan dipengerusikan oleh beliau sendiri manakala ahli-ahlinya terdiri Encik Mohd. Fahmi Haji Ibrahim, Encik Ng Boon Thong dan Setiausaha Kerajaan Negeri.

Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan dan Pembandaran dipengerusikan oleh Encik Mohd. Fahmi manakala Encik M. Mahalingam sebagai ahli.

Jawatankuasa Tetap Pertanian dipengerusikan oleh Encik Zainal Dahlan dan Encik Abu Bakar Abdul Hamid selaku ahli.

Jawatankuasa Tetap Perancangan dan Pembangunan Luar Bandar dipengerusikan oleh Encik Ramli Abdul Rahman manakala ahlinya, Encik Marwillis Haji Yusof.

Jawatankuasa Tetap Pembangunan Per-

ancangan Bandar dan Luar Bandar dipengerusikan oleh Menteri Besar sendiri dan ahlinya, Encik Ng Boon Thong.

Jawatankuasa Tetap Infrastruktur-Air, Telekom-Alam Sekitar dipengerusikan oleh Encik Ng Boon Thong dan ahlinya Encik Marwillis Haji Yusof.

Jawatankuasa Tetap Perimbangan Ekonomi Rakyat dipengerusikan oleh Encik Marwillis Haji Yusof dan ahlinya Encik Yan Pian Hon.

Jawatankuasa Tetap Pekerja Lombong-lombong dan Kebajikan Masyarakat dipengerusikan oleh Encik M. Mahalingam dan ahlinya, Encik Yap Pian Hon.

Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama, Keselamatan, Kebudayaan, Bella dan Sukan dipengerusikan oleh Encik Abu Bakar Abdul Hamid dan dua orang ahli lain terdiri dari Encik Mohd. Fahmi Haji Ibrahim dan Encik Yap Pian Hon.

Katanya, beliau juga mengambilalih jawatan Pengerusi di empat buah badan berkanun Kerajaan Negeri iaitu Perbadanan Kemajuan Ne-

geri Selangor (PKNS), Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS), Kumpulan Perangsang Selangor (KPS) dan Yayasan Selangor dari bekas Menteri Besar, Datuk Haji Hormat Rafel yang meletakkan jawatan pengerusi badan-badan berkanun itu semalam.

Ahli-ahli Exco yang lain katanya, akan dilantik menduduki beberapa jawatan kosong dalam berbagai badan berkanun Negeri tidak lama lagi.

Terdahulu dari itu, Setiausaha Politik kepada Menteri Besar yang baru, Encik Mufti Sub dan Setiausaha Dewan Undangan Negeri, Encik Mohd. Hashim Mat Aziz mengangkat sumpah di hadapan Menteri Besar mengaku setia dan menyimpan rahsia dalam menjalankan tugas masing-masing.

Turut hadir di majlis ialah Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Sulaiman Mohd. Amin, Ahli-ahli Exco, Penasihat Undang-undang Negeri, Datuk Abdul Malik Haji Mohd. Salleh dan Pegawai Kewangan Negeri, Haji Wan Putih Haji Mat Saman.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia